

Toleransi asas kemajuan kita

Oleh ROSLAN ALI

KUALA LUMPUR, Ahad — Kemajuan yang pesat bagi negara ini ialah impian semua rakyat, tetapi ia hanya boleh dinikmati dengan semangat toleransi yang jujur serta kesungguhan usaha yang padu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata Malaysia mahu mengikut kejayaan yang dicapai oleh beberapa buah negara

membangun yang kini diiktiraf dunia sebagai negara perindustrian yang baru.

"Kita juga menikmati kemajuan ini, tetapi ia memerlukan azam yang kuat serta semangat perpaduan yang teguh," katanya di perhimpunan Lumba Jalan Kaki Perpaduan 88, di Padang Merbok, di sini, hari ini.

Oleh itu, rakyat pelbagai bangsa di negara ini perlu mengambil berat untuk memahami adat resam kaum lain untuk menjalinkan semangat toleransi yang perlu bagi menjamin kestabilan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir percaya hanya melalui semangat kerjasama, saling memahami dan toleransi dapat mewujudkan keamanan yang berkekalan dalam negara.

41 2 1 MAR 1988
Beliau berkata langkah pertama ke arah pembangunan pesat ialah perpaduan.

"Dengan wujudnya keamanan, kita dapat menumpukan penuh perhatian kepada usaha membangunkan negara. Sebaliknya, jika pelbagai kaum di negara saling berbalah dan mengadakan tunjuk perasaan, kestabilan negara akan terjejas," katanya di hadapan beribu-ribu rakyat yang menyertai acara itu dalam suasana meriah dan penuh makna.

Katanya keadaan tidak stabil akan menjejaskan ekonomi, meningkatkan kadar pengangguran dan menghalang kemasukan pelaburan asing.

"Tidak ada satu kaum dalam negara ini boleh menganggap diri mereka seba-

gai yang terbaik. Ini kerana bagi setiap individu ada baik dan buruknya; janganlah anggap diri sendiri baik sahaja.

"Bila kita boleh menerima hakikat bahawa kita tidak 100 peratus baik, kita akan dapat menerima keburukan orang lain," katanya.

Beliau berkata penerimaan hakikat itu akan menjadi titik pertemuan antara pelbagai bangsa di Malaysia.

Tegasnya, toleransi amat penting bagi negara berbilang bangsa seperti Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia mempunyai berbilang bangsa, hubungan yang wujud antara kaum adalah lebih baik jika dibandingkan negara-negara lain yang mempunyai satu kaum sahaja.

"Kita harus meningkatkan hubungan baik yang sedia terjalin itu melalui pelbagai kegiatan berbentuk perpaduan," katanya.

Beliau berkata Malaysia masih belum boleh dianggap sebagai salah sebuah negara perindustrian baru seperti Korea Selatan, Singapura atau Taiwan.

Menurutnya, negara-negara berkenaan berjaya mencapai taraf sebagai negara perindustrian kerana tumpuan mereka kepada pembangunan.

Perdana Menteri berkata walaupun kerajaan mempunyai pelbagai dasar untuk membangunkan negara, terpulang kepada rakyat untuk menerima dan memahami hasrat itu.

"Kita inginkan negara ini aman, rakyat mempunyai pendapatan yang mencukupi dan kadar pengangguran yang rendah. Kita ingin melihat Malaysia lebih maju tetapi harapan tidak akan menjadi kenyataan tanpa usaha semua pihak," katanya.